

Mesyuarat JK Bahan Pengajaran
dan Pembelajaran Sekolah KPM
Kali Ke-90

Bil.2/2022
Nombor: 3

**KERTAS MAKLUMAN DARIPADA
BAHAGIAN SUMBER DAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

**MAKLUMAN PEROLEHAN PERKHIDMATAN MEMBEKAL DAN
MENGEDAR BAHAN PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN DIGITAL
SIAP BINA YANG DIJAJARKAN KEPADA COMMON EUROPEAN
FRAMEWORK OF REFERENCE FOR LANGUAGES (CEFR) KEGUNAAN
SESI PERSEKOLAHAN 2023**

TUJUAN

1. Kertas ini bertujuan untuk memaklumkan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah (JKBPPS) tentang cadangan Perolehan Perkhidmatan Membekal dan Mengedar Bahan Pembelajaran & Pengajaran Digital Siap Bina yang diwajibkan kepada *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) bagi kegunaan murid-murid di sekolah rendah dan menengah KPM sesi persekolahan 2023. Skop projek ini merangkumi **perkhidmatan perolehan bahan digital siap bina untuk Kegunaan Tahun 1,2 & 3 dan Tingkatan 2 & 3 Sesi Persekolahan 2023.**

LATAR BELAKANG

2. Sejar dengan Dasar MBMMBI iaitu “Memartabatkan Bahasa Malaysia dan Memperkukuh Bahasa Inggeris” yang telah dilaksanakan oleh Kerajaan bermula tahun 2011, dan Semakan Kurikulum Bahasa Inggeris yang diajarkan CEFR bermula tahun 2017, Bahagian Sumber dan Teknologi Pendidikan (BSTP) dipertanggungjawabkan untuk mengkaji dan memperolehi bahan pengajaran dan pembelajaran digital yang sedia ada di pasaran yang sesuai digunakan di sekolah.

3. Projek pembekalan bahan digital CEFR ini telah dilaksanakan oleh BSTP pada tahun 2016 bermula dengan pembekalan bahan digital CEFR bagi Tingkatan 1. Perancangan awal adalah untuk membekalkan bahan digital CEFR ke semua sekolah rendah dan menengah seluruh negara. Namun demikian, disebabkan isu peruntukan dan kekangan teknikal, projek ini tidak dapat dilaksanakan pada tahun 2017 dan 2018 tetapi dilaksanakan pada tahun 2019 dengan perolehan bahan digital CEFR bagi Tahun 1, Tahun 4 dan Tingkatan 4 telah dibuat menerusi kaedah tender terbuka. Tetapi tiada pembida yang berjaya.

4. Pada tahun 2021, proses tender terbuka dilaksanakan sekali lagi untuk perkhidmatan perolehan bahan digital CEFR Tahun 4 dan Tingkatan 4. Petender telah berjaya membekalkan bahan bagi Tahun 4.

5. Mesyuarat JKPICT-PDP pada 18 Mac 2021 telah bersetuju agar kertas permohonan bagi perolehan bahan digital CEFR untuk Tahun 1,2,3,5 & 6 serta Tingkatan 2,3 & 5 ini disokong untuk diangkat bagi pertimbangan dan kelulusan Jawatankuasa seterusnya (Jawatankuasa Teknikal ICT (JTI)/Jawatankuasa Pemandu ICT (JPICT)).

6. Peruntukan yang disalurkan untuk perolehan perkhidmatan bahan digital pada tahun 2022 hanya RM5 juta dan melalui kajian pasaran yang dilaksanakan, BSTP sedang dalam cadangan membuat perolehan perkhidmatan membekal dan mengedar bahan digital CEFR tahun 1,2 dan 3 serta Tingkatan 2 dan 3.

ASAS PERTIMBANGAN

7. Anjakan ke-2 dan Anjakan ke-7 PPPM 2013 - 2025: Pembekalan bahan digital ini akan memastikan Deliverable 4.2 Kontrak bersama Kementerian Pendidikan Malaysia dan Cambridge English dipenuhi (pembekalan buku teks dan bahan digital bagi menyokong pengajaran Bahasa Inggeris berjajarkan CEFR di semua tahap pendidikan);

8. Guru-guru hanya bergantung kepada buku teks sebagai bahan PdP di dalam kelas. Pembekalan bahan digital ini akan memudahkan proses PDP Bahasa Inggeris yang diujarkan kepada CEFR terutamanya dalam komponen *non-textbook*;

9. Keperluan Roadmap Bahasa Inggeris 2015 - 2025. Pembekalan bahan digital ini membolehkan PdP berjalan lancar dan dilaksanakan mengikut kriteria yang telah ditetapkan dalam Roadmap Bahasa Inggeris 2015 -2025;

10. Mengupaya pembelajaran berpusatkan murid dan guru sebagai pemudahcara dan mengupaya pembelajaran *self-paced*, *self-directed* dan *self-accessed* selain menyokong kurikulum, pentaksiran dan pedagogi ke arah kemenjadian murid;

11. Dapat memenuhi perubahan kurikulum terkini Bahasa Inggeris yang diajarkan CEFR;

12. Dapat membantu memastikan *personalised learning* berlaku dalam kalangan murid dengan adanya ruang dan skop bagi guru mempelbagaikan kaedah penyampaian di samping memenuhi komponen *non-textbook* yang dicadangkan dalam *Scheme of Work* yang disediakan bersama oleh KPM dan CE;

13. Dapat membantu menyediakan persekitaran penggunaan Bahasa Inggeris yang lebih menyerupai *real-life situation*;

14. Dapat membantu dalam pelaksanaan kelas abad ke-21 terutamanya dengan berfokus kepada kemahiran kolaborasi, komunikasi, kreativiti dan pemikiran kritis dalam kalangan murid.

PERINCIAN CADANGAN

Judul

15. Sebanyak **5 tender** akan dilaksanakan iaitu bagi Bahan Digital Tahun 1, Tahun 2, Tahun 3 (Semakan 2017), Tingkatan 2 dan Tingkatan 3 (KSSM).

Tarikh Pelaksanaan

16. Aktiviti perolehan ini akan dilaksanakan secara tender terbuka dan prosesnya bermula pada bulan April 2022 sehingga bulan Disember 2022.

Jadual pelaksanaannya adalah seperti berikut:

KLUSTER	BIL	AKTIVITI	TARIKH PELAKSANAAN
PESEDIAAN PEROLEHAN	1	Mesyuarat Penyelarasan Perolehan (SKP vs SDPP)	25 Feb 2022
	2	Kelulusan JKPICT-PDP	18 Mac 2021
	3	Kelulusan JKBPPS	28 April 2022
	4	Kelulusan JTICT	Mei 2022
	5	Kelulusan JPICT	Mei 2022
	6	Serah Bahan Kepada SKP 2.1 Kelulusan JPICT 2.2 Kelulusan JKBPPS 2.3 Jadual Spesifikasi Teknikal 2.4 Instrumen Penilaian 2.5 Alamat JPN dan PIC di JPN 2.6 Senarai ahli J/K Spesifikasi (2 JK (SK dan SM) 2.7 Senarai ahli J/K Teknikal (5 JK (min 4 orang per judul) 2.8 Anggaran Harga Jabatan (AHJ) 2.9 Kajian Pasaran	31 Mei 2022
	7	Serah Bahan kepada Urus Setia Bahagian Perolehan dan Semakan	10 Jun 2022
	8	Kunci Masuk Maklumat Perolehan dan Muat Naik Dokumen Tender (5 judul) (Mesyuarat JK Spesifikasi)	13-24 Jun 2022
PEROLEHAN	9	Notis Tawaran Tender	4 Julai 2022
	10	Taklimat Kepada Petender	6 Julai 2022
	11	Penutupan Tender (21 hari)	27 Julai 2022
	12	Pembukaan Cadangan dan Semakan Pematuhan Dokumen	27 hingga 29 Julai 2022
	13	Mesyuarat Penilaian Bahan (Teknikal)	1 hingga 5 Ogos 2022

14

KL US TE R	BIL	AKTIVITI	TARIKH PELAKSANAAN
		Mesyuarat Penilaian Bahan (Kewangan)	8 hingga 12 Ogos 2022
	15	Penyediaan Kertas Taklimat	15 hingga 19 Ogos 2022
	16	Penyerahan Kertas Taklimat kepada Urus Setia PBM untuk Ulasan dan Perakuan Kertas Taklimat	
	17	Mesyuarat Lembaga Perolehan Tender	30 Ogos 2022
	18	Penyediaan SST	30 Ogos - 6 September 2022
	19	Tandatangan SST	6 September 2022
	20	Mesyuarat Kick-off antara pembekal dan BSTP	13 September 2022
	21	Penyerahan Bon Pelaksanaan oleh Petender Berjaya (maksimum 30 hari)	6 Oktober 2022
PE N A M B A H B A I K A N	22	Mesyuarat penambahbaikan bahan (5 hari)	26-30 September 2022
	23	Penambahbaikan bahan (14 hari)	1-14 Oktober 2022
	24	Mesyuarat Verifikasi Penambahbaikan (5 hari)	17-21 Oktober 2022
	25	Penghantaran Bahan Digital ke BSTP untuk kelulusan	25 Oktober 2022
PE M B E K A L A N	26	Pesanan Kerajaan (CO)	26 Oktober 2022
	27	Pembekalan Bahan Digital : • Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan W. P. Labuan	30 hari (25 November 2022)

IMPLIKASI

Kewangan

17. Implikasi kewangan bagi melaksanakan Perolehan Perkhidmatan Membekal dan Mengedar Bahan Digital bagi kegunaan tahun 2023 ialah

sebanyak **RM4,740,400.00 (RINGGIT MALAYSIA: EMPAT JUTA TUJUH RATUS EMPAT PULUH RIBU EMPAT RATUS SAHAJA)** Perincian senarai judul dan nilai kontrak adalah seperti pada **Lampiran 1**.

KESIMPULAN

18. Perolehan Perkhidmatan Membekal dan Mengedar Bahan Digital CEFR merupakan satu langkah untuk memastikan sumber pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris di Sekolah Rendah dan Menengah pendidikan yang berkualiti.

PELAN KOMUNIKASI

19. **Perolehan Perkhidmatan Membekal dan Mengedar Bahan Pembelajaran & Pengajaran Digital Siap Bina yang diujarkn kepada *Common European Framework of Reference for Languages (CEFR)*** Kegunaan Mulai tahun 2023 yang dilaksanakan memerlukan penyediaan pelan komunikasi seperti yang berikut:

- 7.
- 8.
- 9.
- 10.
- 11.
- 12.
- 13.
- 14.

19.1 Mesej Strategik

Membekalkan Bahan Digital Bahasa Inggeris KSSR Semakan bagi Tahun 1,2 & 3 serta KSSM Tingkatan 2 & 3 yang

dijajarkan CEFR menjadi rujukan dan bahan bantu mengajar di semua sekolah rendah dan menengah.

19.2 Jurucakap

Pengarah BSTP dan Timbalan Pengarah BSTP.

19.3 Kumpulan sasaran

Jabatan Pendidikan Negeri, Pejabat Pendidikan Daerah, Pengetua, Guru Besar, guru sekolah, dan murid di Sekolah Pendidikan sekolah rendah dan menengah.

19.4 Medium

Medium elektronik dan komunikasi bersemuka (mesyuarat, taklimat, kursus, temu bual, perhimpunan dan pemantauan).

19.5 Aktiviti

Terdapat beberapa aktiviti yang terlibat dalam Perolehan Perkhidmatan Membekal dan Mengedar Bahan Pembelajaran & Pengajaran Digital Siap Bina yang diwajibkan kepada *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) termasuk pembangunan instrumen, jadual perolehan, spesifikasi penyediaan bahan, dan sebaran maklumat.

19.6 Tempoh komunikasi

Sepanjang tahun 2023 hingga 2024

19.7 Nilai impak yang disasarkan

Bahan Pembelajaran & Pengajaran Digital Siap Bina yang diijarkan kepada *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) mampu menjadi sumber rujukan utama semasa PdP di dalam kelas. Ia amat penting bagi memastikan murid dapat mencapai piawaian yang diaspirasikan bagi setiap tahap. Selain itu bahan ini akan memberi kefahaman yang lebih mendalam serta latihan yang cukup dalam kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis yang dipelajari bagi meningkatkan pencapaian kualiti, pengetahuan dan kemahiran murid.

SYOR

Ahli Mesyuarat Jawatankuasa Bahan Pengajaran dan Pembelajaran Sekolah (JKBPPS) dimohon untuk mengambil maklum cadangan **Perolehan Perkhidmatan Membekal dan Mengedar Bahan Pembelajaran & Pengajaran Digital Siap Bina yang diijarkan kepada *Common European Framework of Reference for Languages* (CEFR) bagi kegunaan murid-murid di sekolah rendah dan menengah KPM sesi persekolahan 2023.**

**BAHAGIAN SUMBER DAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN
KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
10 April 2022**